

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT: MALAYSIAN EXHIBITION SERVICES
PUBLICATION: UTUSAN.COM.MY SECTION: BISNES, EKONOMI
DATE: SATURDAY, 1 OCTOBER 2016 PAGE NO.: 1 OF 2
CIRCULATION: ONLINE FREQUENCY: ONLINE
HEADLINE: KEPUTUSAN OPEC LONJAK INDUSTRI O&G



Rabu 5 Oktober 2016 / 4 Muharam 1438

Mobile **LIVE** UM TV f t

arkib berita

Cari

🏠 Berita Video Rencana Hiburan Bisnes Pendidikan S & T Gaya Hidup Sukan Lain-lain

EKONOMI KORPORAT SIARAN AKHBAR USAHAWAN AUTOMOTIF HARTANAH TEKNOLOGI SAHAM & MATAWANG

Keputusan OPEC lonjak industri O&G

NABILA YASMIN RAZIB | 01 Oktober 2016 12:18 AM



Dzul kifli Mahmud menandatangani plak tanda gimik pelancaran Pameran Minyak, Gas dan Kejuruteraan Asia Ke-16 di Kuala Lumpur, semalam. UTUSAN/Hafiz Johari

KUALA LUMPUR 30 Sept. – Keputusan Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) untuk mengurangkan pengeluaran minyak dapat mengatasi masalah lebih bekalan dalam pasaran minyak dan gas (O&G) selain memberi pulangan kepada industri berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Datuk Dzul kifli Mahmud berkata, langkah itu turut membolehkan negara pengeluar mendapatkan harga berpatutan untuk pengguna selain mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	<u>MALAYSIAN EXHIBITION SERVICES</u>		
PUBLICATION:	<u>UTUSAN.COM.MY</u>	SECTION:	<u>BISNES, EKONOMI</u>
DATE:	<u>SATURDAY, 1 OCTOBER 2016</u>	PAGE NO.:	<u>2 OF 2</u>
CIRCULATION:	<u>ONLINE</u>	FREQUENCY:	<u>ONLINE</u>
HEADLINE:	<u>KEPUTUSAN OPEC LONJAK INDUSTRI O&G</u>		

Beliau turut menyarankan lebih ramai penggiat industri tempatan untuk memanfaatkan peluang dalam pasaran O&G antarabangsa dengan memanfaatkan inovasi dan teknologi terkini.

“Kita yakin dengan keupayaan syarikat Malaysia untuk muncul sebagai peneraju industri ini,” katanya kepada pemberita selepas majlis prapelancaran Pameran Minyak, Gas dan Kejuruteraan Petrokimia Asia Ke-16 (OGA17) di sini hari ini.

Semalam, OPEC mencapai persetujuan untuk mengurangkan pengeluaran minyak daripada 33.24 juta tong sehari kepada antara 32.5 juta hingga 33 juta tong sehari.

Tambah Dzulkifli, biarpun berdepan persekitaran ekonomi global yang mencabar, beliau yakin sektor O&G tempatan akan kekal menjadi hab bagi industri itu selain terus menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Sementara itu, Malaysia berjaya mencatat potensi jualan sebanyak RM385 juta melangkaui sasaran awal sebanyak RM250 juta pada hari kedua persidangan yang kali ketiga dianjurkan.

“Ini menunjukkan bahawa industri O&G ini masih berpotensi besar dan akan terus mencatat pertumbuhan,” katanya.